

iklan

Utusan
Malaysia

Bina Jenama Anda Bersama Kami

SEMANIS AROMA BUFFET RAMADHAN DI DEWAN BANQUET, UPM SERDANG.

Nikmati juadah berbuka puasa bertemakan 'Aroma Buffet Ramadhan' di Dewan Banquet UPM, Serdang mulai 23 Julai hingga 16 Ogos 2012 bermula jam 6 petang hingga 10 malam. Bagi pelanggan yang pernah berkunjung ke Restoran MAEPS Serdang, restoran tersebut telah berpindah tempat ke Dewan Banquet UPM, Serdang. Diuruskan oleh D'Kayangan Buffet Steamboat yang berkecimpung dalam bidang pemakanan dan minuman lebih daripada 15 tahun pengalaman. D'Kayangan dikenali sebagai salah satu panel katering untuk dewan-dewan terkemuka di Putrajaya dan mempunyai rangkaian restoran steamboat di Shah Alam. Chef-chef bertugas yang berpengalaman lebih daripada 25 tahun bergabung dalam menyediakan juadah-juadah yang enak.

Dewan yang dilengkapi dengan penghawa dingin ini amat selesa dikunjungi dengan ruang yang mampu menampung seramai 1500 orang pada satu masa yang sama. Anda tidak perlu risau untuk memarkir kereta kerana di disini kawasan untuk parkir kereta ada disediakan dan mencukupi. Surau juga tersedia dan cukup selesa untuk menunaikan solat bagi umat Islam.

Dewan berprestij yang dihias cantik ditambah

dengan alun-alun irama Seri Mahligai Ghazal akan menemani anda sepanjang anda menikmati juadah berbuka puasa dan ini akan memberikan anda satu pengalaman yang sukar untuk dilupakan.

Hidangan ini bermula dengan pembuka selera seperti Ulam-ulaman Tempatan, Kerabu Pucuk Paku, Jelatah Timun Nenas, Kerabu Mangga, Kerabu Perut Berbwang, Pecal Bali, Gado-gado, Telur Asin, Ikan Sepat Masin, Ikan Masin Merah Bersambal dan Ikan Bilis Bertempe.

Buffet Ramadhan yang berkonsepkan warung dan buffet ini juga amat menarik dengan sajian yang berasaskan masakan Melayu, Cina, India, Thai dan juga Barat seperti seperti Ayam Percik Negeri Sembilan, Daging Reneh bersama Sayur-sayuran, Ikan Salai Lemak Cili Api, Udang Sambal Petai, Ikan Patin Masak Asam Tempoyak, Tomyam Seafood, Thai Green Curry, 'Lo Han' Vegetables, Lamb Mysoor, Tandoori Fish dan macam-macam lagi.

Tidak lupa juga Warung Kambing Panggang, Warung Ikan Panggang yang besar, Warung Bbq (Ayam, Sotong, Ikan, Daging dan Sosej), Warung Satay, Warung Aneka Mee, Warung Jom Beriani, Nasi tomato, Nasi Kerabu, Nasi Dagang, Warung Roti Canai dan Roti John, Warung Steamboat, Aneka Bubur Manis dan

Bubur Lambuk, Warung Ais Kacang dan juga aneka kuih-muih melayu, kurma, puding dan juga pelbagai jenis pencuci mulut dan minuman yang disajikan.

Harga yang ditawarkan amat berpatutan dan berbaloi bagi seisi keluarga untuk bertandang ke Semanis Aroma Buffet ini. Dengan harga RM 49.50 nett untuk dewasa dan RM 24.50 untuk kanak-kanak yang berusia 7 - 12 tahun juga warga emas 60 tahun ke atas, anda boleh berbuka puasa dengan juadah yang pelbagai dalam suasana yang berbeza.

Pakej-pakej yang menarik juga disediakan bagi kumpulan-kumpulan yang ingin menyambut keraian atau berkumpul beramai-ramai sempena berbuka puasa dan beramah mesra. Bagi kumpulan yang hadir melebihi 10 orang, 10 % diskaun akan diberikan. Tempahan bagi majlis-majlis korporat, alumni, dan lain-lain juga boleh dibuat.

Anda boleh melayari laman Twitter @ AromaBuffet dan juga Facebook 'Ramadhan Buffet MAEPS', 'LIKE' page tersebut untuk mendapat sebarang maklumat dan juga promosi yang akan ditawarkan. Untuk mengetahui maklumat lanjut atau membuat tempahan hubungi 012-390 3191/ 012- 384 9091/ 012 - 313 1091 dan 012 - 382 5091.